

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih <Pembiayaan Hartanah-i Hong Leong CM Fleksi>. Pastikan anda membaca Terma dan Syarat di dalam surat tawaran. Sila rujuk kepada pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma umum yang dinyatakan di sini)

- Sila tandakan mengikut mana yang berkenaan dalam dokumen ini.

Sila hubungi kami untuk sebarang penjelasan lanjut jika perlu.

هودج لوع اسلاميك بڠک

**HongLeong Islamic Bank**

Pembiayaan Hartanah-i Hong Leong CM Fleksi

Tarikh: : \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

**1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?**

Pembiayaan Hartanah-i ini adalah skim pembiayaan bertujuan untuk membantu pembeli dalam pemilikan hartanah. Ia berlandaskan kombinasi kadar tetap dan terapung/berubah. Skim ini menawarkan pelbagai ciri-ciri dan fleksibiliti para pelanggan.

Kadar keuntungan yang dikenakan adalah berlandaskan Kadar Asas Islamik ("IBR"). Melalui Pembiayaan Hartanah-i Hong Leong CM Fleksi, pelanggan dilindungi daripada dikenakan kadar yang tinggi dengan adanya kadar siling ataupun Kadar Keuntungan Kontrak ("CPR") di mana Harga Jualan telah ditetapkan pada CPR. Maka, tidak kira setinggi mana IBR meningkat, pelanggan tidak akan dicaj lebih tinggi daripada CPR.

<input type="checkbox"/> Pembiayaan Rumah/Pembiayaan Kedai Hong Leong	<p>Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Menawarkan fleksibiliti dari segi bayaran dan penjimatan keuntungan.</p> <p>Apa-apa bayaran lebihan yang diterima selepas ditolak ansuran anda dan apa-apa caj kena bayar, adalah dianggap "Bayaran Pendahuluan".</p> <p>Bayaran Pendahuluan tidak akan dianggap bayaran terdahulu baki pokok. Akan tetapi, tertakluk kepada terma-terma dalam Surat Tawaran ia akan diambil kira untuk tujuan pengiraan keuntungan. Kadar Keuntungan Efektif dikira atas Baki Belum Jelas Pokok Layak iaitu perbezaan antara baki belum jelas jelas pembiayaan (termasuk caj) ("Baki Belum Jelas Pokok") dengan Bayaran Pendahuluan atau sehingga 30% Baki Belum Jelas Pokok, mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Pengeluaran dibenarkan daripada bayaran lebihan di bawah Bayaran Pendahuluan dengan memberi notis bertulis.</p>
<input type="checkbox"/> Pembiayaan Perumahan Khas Hong Leong	<p>Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran kepada Bank.</p> <p>Kemudahan ini diberi kepada anda tertakluk kepada anda memenuhi segala kriteria di bawah garis panduan Bank Negara berkaitan "Pembiayaan kepada Sektor Keutamaan".</p>
<input type="checkbox"/> Skim Rumah Pertamaku Hong Leong Bank	<p>Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran.</p> <p>Kemudahan ini diberi kepada anda tertakluk kepada anda memenuhi segala kriteria di bawah Skim Rumah Pertamaku yang digariskan oleh Bank dan/atau Cagamas SRP Berhad.</p> <p>Menawarkan fleksibiliti dari segi bayaran dan penjimatan keuntungan.</p> <p>Apa-apa bayaran lebihan yang diterima selepas ditolak ansuran anda dan apa-apa caj kena bayar, adalah dianggap "Bayaran Pendahuluan".</p> <p>Bayaran Pendahuluan tidak akan dianggap bayaran terdahulu baki pokok. Akan tetapi, tertakluk kepada terma-terma dalam Surat Tawaran ia akan diambil kira untuk tujuan pengiraan keuntungan. Kadar Keuntungan Efektif dikira atas Baki Belum Jelas Pokok Layak iaitu perbezaan antara baki belum jelas jelas pembiayaan (termasuk caj) ("Baki Belum Jelas Pokok") dengan Bayaran Pendahuluan atau sehingga 30% Baki Belum Jelas Pokok, mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Pengeluaran semula atau penambahan pembiayaan tidak disediakan di bawah kemudahan ini.</p>

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Konsep Syariah yang digunakan ialah Murabahah melalui penyusunan Tawarruq. Tawarruq merujuk kepada membeli sesuatu barang dengan harga tangguh, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai.

Mekanism yang terlibat:

1. Bank membeli komoditi\* pada Jumlah Pembiayaan secara tunai
2. Bank kini memiliki komoditi tersebut;
3. Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan secara ansuran tertangguh. (sebagai pemilik komoditi, pelanggan boleh memutuskan untuk melakukan penghantaran fizikal dengan perbelanjaan sendiri);
4. Seterusnya, sebagai pemilik komoditi, pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut;
5. Bank (sebagai ejen kepada peleanffan) menjual komoditi pada Jumlah Pembiayaan secara tunai kepada pihak ketiga.
6. Bank menyerahkan hasil jualan komoditi kepunyaan (Jumlah Pembiayaan)

**\* Komoditi:-**


- Komoditi merupakan dalam bentuk minyak kelapa sawit atau apa-apa komoditi yang mematuhi komoditi dagangan mengikut Syariah untuk Pembiayaan ini yang diterima oleh pihak-pihak dimana telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- Perdagangan dijalankan diatas pelbagai platform perdagangan komoditi seperti Bursa Suq Al Sila' atau platform perdagangan komoditi lain yang membolehkan transaksi Tawarruq dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

**3. Apakah itu Kadar Asas Islamik (IBR)**

IBR yang kami tawarkan bagi produk ini terdiri daripada dua bahagian, penanda aras kos dana (ICOF) kami dan kos keperluan rizab berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia. Penanda aras ICOF kami mencerminkan kos penjanaan dana baru dalam situasi lazim pasaran pembiayaan adalah berdasarkan kadar KLIBOR 3 bulan dan deposit pelanggan.

**4. Apakah senario yang memungkinkan perubahan dalam IBR?**

IBR kami boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam penanda aras ICOF dan perubahan dalam SRR. Perubahan dalam penanda aras ICOF boleh berlaku disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalam (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, serta faktor-faktor lain seperti keadaan pasaran pembiayaan, jangkaan kadar faedah pada masa depan dan arah aliran industri deposit.

**5. Sejarah penanda aras ICOF sejak Januari 2015****6. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?****Kemudahan 1 <Nama Produk> :**

Perkara	Keterangan									
Jumlah Pembiayaan	RM									
Margin Pembiayaan	<__>%									
Tempoh Pembiayaan										
Kadar Keuntungan / Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar Keuntungan</th> <th>Kadar Keuntungan Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahun 1 : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> <tr> <td>Tahun 2-3 : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> <tr> <td>Selepasnya : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> </tbody> </table>		Kadar Keuntungan	Kadar Keuntungan Efektif	Tahun 1 : IBR + <__>%	<__>%	Tahun 2-3 : IBR + <__>%	<__>%	Selepasnya : IBR + <__>%	<__>%
Kadar Keuntungan	Kadar Keuntungan Efektif									
Tahun 1 : IBR + <__>%	<__>%									
Tahun 2-3 : IBR + <__>%	<__>%									
Selepasnya : IBR + <__>%	<__>%									
Kadar Keuntungan Kontrak	<__>% p.a.									
Harga Jualan	RM									

**Kemudahan 2 <Nama Produk> :**

Perkara	Keterangan									
Jumlah Pembiayaan	RM									
Margin Pembiayaan	<__>%									
Tempoh Pembiayaan										
Kadar Keuntungan / Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar Keuntungan</th> <th>Kadar Keuntungan Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahun 1 : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> <tr> <td>Tahun 2-3 : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> <tr> <td>Selepasnya : IBR + &lt;__&gt;%</td> <td>&lt;__&gt;%</td> </tr> </tbody> </table>		Kadar Keuntungan	Kadar Keuntungan Efektif	Tahun 1 : IBR + <__>%	<__>%	Tahun 2-3 : IBR + <__>%	<__>%	Selepasnya : IBR + <__>%	<__>%
Kadar Keuntungan	Kadar Keuntungan Efektif									
Tahun 1 : IBR + <__>%	<__>%									
Tahun 2-3 : IBR + <__>%	<__>%									
Selepasnya : IBR + <__>%	<__>%									
Kadar Keuntungan Kontrak	<__>% p.a.									
Harga Jualan	RM									

Nota: Kadar Asas Islamik semasa (IBR) ialah [4.03]%

## 7. Apakah tanggungjawab saya?

**Penting:** Amaun ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan pembayaran anda akan berubah sekiranya IBR berubah tetapi tidak akan dicaj lebih tinggi daripada CPR dan Harga Jualan yang telah dipersetujui.

Kadar	Hari ini (IBR=4.03%)	Jika IBR meningkat 1%	Jika IBR meningkat 2%
<b>Kemudahan 1 &lt;Nama Produk&gt; :</b>			
Ansuran bulanan	RM	RM	RM
Jumlah keuntungan pada akhir <[Tempoh Pembiayaan]> bulan (tidak termasuk GPP)	RM	RM	RM
Jumlah pembayaran pada akhir <[Tempoh Pembiayaan]> bulan (tidak termasuk GPP)	RM	RM	RM

### Nota :

- Sementara menunggu bermulanya bayaran bulanan sebagaimana yang diperuntukkan dalam jadual di atas, anda dikehendaki untuk membayar kepada Bank Keuntungan Tempoh Ihsan (GPP) (jika ada) dimana ia perlu dibayar setiap bulan dan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas jumlah baki tertinggal harian (atau berdasarkan baki bulanan seperti mana yang dinyatakan dan diterima pakai) daripada pengeluaran pertama Kemudahan atau bermula dari tarikh yang dimaklumkan oleh Bank secara bertulis.
- Rebat akan diberikan kepada pelanggan sekiranya terdapat perbezaan antara kadar keuntungan kontrak dan kadar keuntungan efektif.
- Pihak Bank mempunyai hak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah IBR. Jika dan apabila Kadar Keuntungan Efektif ("EPR") diubah hasil daripada perubahan yang dibuat terhadap IBR, pihak Bank mempunya hak mutlak untuk menentukan sama ada untuk membuat sebarang penyesuaian hasil daripada perubahan tersebut, seperti, sama ada:-
  - mengubah Ansuran Bulanan; atau
  - mengubah bilangan Ansuran Bulanan.

## 8. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

### • Duti Setem

Seperti yang termaktub di dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).

### • Yuran Guaman

Seperti dalam skala Perintah Saran Peguamcara (SRO).

### • Yuran Pengeluaran

Yuran lain-lain yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran pendaftaran, yuran pencarian, cukai barang & perkhidmatan dan sebarang cukai-cukai lain atau levi seperti yuran-yuran yang dicaj oleh pihak berkuasa tertentu dan/atau firma guaman.

### • Yuran Penilaian

Seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketujuh dari yuran skala yang ditetapkan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia

### • Yuran Pembatalan

Bayaran penamatuan RM2,000 akan dikenakan berdasarkan konsep Gharamah (penalti) dan / atau Ta'widh (pampasan) jika Kemudahan ini atau mana-mana bahagiannya dibatalkan oleh anda sebelum pengagihan Kemudahan bagi apa-apa sebab sekalipun.

### • Yuran Pelbagai

Bayaran Pelbagai termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran IBG online, bayaran IBG melalui mesin ATM, daftar yuran pemprosesan dan apa-apa fi atau caj lain yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.

### • Fi Perkhidmatan Pengeluaran Bayaran Pendahuluan

Fi perkhidmatan tak dibayar balik sebanyak RM50.00 akan dikenakan apabila berlaku pengeluaran bayaran pendahuluan.

**Penting:** Berkuatkuasa 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas yuran dan caj, yang mana berkenaan.

## 9. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Jika anda gagal mematuhi tanggungjawab pembayaran dan mengikut jadual, tindakan berikut akan dikenakan:

### • Caj Pembayaran Lewat

- Bagi kegagalan membayar ketika dalam tempoh pembiayaan = 1% setahun dikenakan keatas jumlah ansuran tertinggal;
- Bagi kegagalan yang menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = 1% setahun di kenakan ke atas jumlah tertinggal (prinsipal tertinggal dan keuntungan yang terakru);
- Bagi kegagalan membayar selepas tempoh matang = Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islamik BNM ("IIMM") ke atas jumlah tertinggal (prinsipal tertinggal dan keuntungan yang terakru);
- Bagi kegagalan membayar selepas penghakiman = Kadar IIMM ke atas jumlah dasar penghakiman.

#### Nota:

- Caj pembayaran lewat tidak akan dikompaun dan tidak boleh lebih daripada jumlah prinsipal tertinggal
- Kaedah dan kadar caj pembayaran lewat adalah tertakluk kepada perubahan seperti mana yang ditentukan oleh BNM

c) Caj pembayaran lewat dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar/tempoh matang/tarikh pengakiman

- **Hak Untuk Tolak-selesai**  
Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini.
- **Tindakan Undang-undang**  
Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi tindak-balas terhadap notis-notis peringatan. Hartanah anda mungkin akan disita/dilelong dan anda perlu menanggung kos keseluruhannya. Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengutipan, penyitaan/elongan dan prosiding kebankrapan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan hasil jualan selepas hartanah anda dilelong.
- **Kemerosotan Penilaian Kredit**  
Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjadikan penilaian kredit anda dimana kredit akan menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

**Penting:**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Terma dan Syarat Utama yang dilampirkan.

#### 10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Tempoh pegangan: [ ] bulan dari pelepasan pertama
- Rebат akan diberikan sejurus selepas pembiayaan dilangsaikan dengan awal.
- Fi penebusan/penyelesaian awal merupakan kos yang ditanggung atau bakal ditanggung oleh Bank disebabkan penyelesaian awal yang mungkin meliputi kos dana, kos modal, kos kecairan, kos rizab berkanun, kadar keuntungan terdiskaun, dan kos lain, serta juga sebarang fi guaman, duti setem dan/atau fi penilaian yang telah ditanggung di bawah terma Kemudahan.

Fi penebusan / penyelesaian awal kena bayar pada masa penebusan

Formula rebat:

Rebat hasil langsaian pembiayaan awal = Baki Tidak Diterima – \*Caj Langsaian Awal (jika ada)

Nota:

- *Baki Tidak Diterima = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru*
- *Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Jumlah Pembiayaan*
- *Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas Jumlah Pembiayaan yang diberikan dan tertunggak*
- *\*Sekiranya dalam tempoh pegangan*

#### 11. Perlukah saya mengambil sebarang perlindungan takaful/insuran?

- Mortgage Reducing Term Takaful (“MRTT”) adalah opsyen anda melainkan ia wajib diambil disebabkan kriteria promosi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- Walau bagaimanapun anda digalakkan untuk mendapatkan MRTT untuk melindungi keluarga anda daripada kehilangan hartanah disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka.
- Sekiranya MRTT dibiayai oleh Bank, Bank hanya akan melepaskan sumbangan takaful bersama dengan pelepasan pembiayaan hartanah pembiayaan pertama atau pada bila-bila masa selepas itu mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - a) Bank telah menerima surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang diterima oleh Bank;
  - b) Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada pengendali takaful berkenaan penolakan dan / atau rayuan surat tawaran anda;
  - c) Anda / pihak dilindungi tidak meninggal dunia sebelum pengeluaran pertama pembiayaan; dan
  - d) Sekiranya surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh pengendali takaful berkenaan telah tamat tempoh pada atau sebelum pengeluaran pertama pembiayaan, anda akan menyerahkan borang permohonan baru untuk penilaian dan surat penerimaan / surat tawaran baru yang dikeluarkan oleh pengendali takaful berkenaan hendaklah anda perolehi.
- Perlindungan MRTT akan berkuatkuasa apabila sumbangan takaful penuh (termasuk apa-apa muatan atau lebih kepada sumbangan takaful asal) diterima oleh pengendali takaful berkenaan.
- Takaful Kebakaran / Takaful Pemilik Rumah ke atas rumah yang dicagarkan kepada Bank sebagai cagaran adalah wajib, dan anda boleh memilih daripada Hong Leong MSIG Takaful (HLMT) atau pengendali takaful lain

#### 12. Apakah risiko utamanya?

Kadar Keuntungan Efektif (“EPR”) adalah kadar keuntungan terapung/berubah yang berubah mengikut perubahan terhadap Kadar Asas Islamik (IBR). Peningkatan pada EPR mungkin menyebabkan bayaran bulanan meningkat. Walau bagaimanapun, peningkatan pada EPR telah dihadkan kepada Kadar Keuntungan Kontrak (“CPR”) yang dinyatakan di atas.

#### 13. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat diterima tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana-mana cawangan kami seluruh negara.

#### **14. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai sebarang kesulitan dalam menjelaskan bayaran, anda perlu menghubungi pihak kami seawal mungkin bagi membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Mortgage Collection Centre kami di:  
Level 2, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Section 51A,  
46100 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: +603-7952 3388 Fax: +603-7873 8228  
Email: [MCC@hlbb.hongleong.com.my](mailto:MCC@hlbb.hongleong.com.my) or [HLBBMPLMORTGAGE@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLBBMPLMORTGAGE@hlbb.hongleong.com.my)
- Sebagai alternatif, anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturran semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.  
Tel : +603-2616 7766 E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk dan servis yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:  
Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience  
Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong,  
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
Tel: +603-7627 8899  
E-mail: [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)
- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi:  
Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465 Fax : +603-21741515 E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### **15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan sebarang maklumat tambahan mengenai pembiayaan hartanah-i, sila rujuk risalah maklumat perbankan untuk "Pembiayaan Perumahan-i" yang tersedia di semua cawangan-cawangan kami dan laman sesawang [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

#### **16. Pakej-pakej pembiayaan hartanah-i lain yang disediakan**

- Nil

**NOTA PENTING: RUMAH ANDA MUNGKIN AKAN DISITA / DILELONG JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR ANSURAN PEMBIAYAAN HARTANAH-I ANDA.**

Maklumat yang terdapat di dalam risalah makluman produk ini adalah sah dari \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

Lampiran 1- Ilustrasi Jadual Pembayaran tanpa GPP

Pelanggan	Pelanggan 1	
CPR (%)	10.60	
EPR (%)	4.80	
Tempoh Pembayaran	120 bulan	
Ansuran (EPR)	1,577.00	

Harga Jualan	243,891.60
Jumlah Pembayaran	150,000.00
Jumlah Keuntungan	93,891.60
Tarikh Pengeluaran	7 Dec 12

EPR = IBR + 1.60%  
IBR adalah 3.20%

No	Tarikh	Pada Kadar Keuntungan Efektif				Baki Jumlah Pembayaran	Baki Harga Jualan	Baki Belum Diterima
		Ansuran	Bayaran Prinsipal	Bil Keuntungan	Kadar Keuntungan			
0	7-Dec-12					150,000.00	243,891.60	93,891.60
1	1-Jan-13	1,577.00	1,083.75	493.25	4.80%	148,916.25	242,314.60	93,398.35
2	1-Feb-13	1,577.00	970.02	606.98	4.80%	147,946.23	240,737.60	92,791.37
3	1-Mar-13	1,577.00	1,032.12	544.88	4.80%	146,914.11	239,160.60	92,246.49
4	1-Apr-13	1,577.00	978.08	598.92	4.80%	145,936.03	237,583.60	91,647.57
5	1-May-13	1,577.00	1,001.30	575.7	4.80%	144,934.73	236,006.60	91,071.87
6	1-Jun-13	1,577.00	986.14	590.86	4.80%	143,948.59	234,429.60	90,481.01
7	1-Jul-13	1,577.00	1,009.10	567.9	4.80%	142,939.49	232,852.60	89,913.11
8	1-Aug-13	1,577.00	994.2	582.8	4.80%	141,945.29	231,275.60	89,330.31
9	1-Sep-13	1,577.00	998.23	578.77	4.80%	140,947.06	229,698.60	88,751.54
10	1-Oct-13	1,577.00	1,020.80	556.2	4.80%	139,926.26	228,121.60	88,195.34
11	1-Nov-13	1,577.00	1,006.60	570.4	4.80%	138,919.66	226,544.60	87,624.94
12	1-Dec-13	1,577.00	1,028.90	548.1	4.80%	137,890.76	224,967.60	87,076.84

Penafian: Jadual ini menunjukkan pembayaran ansuran oleh pelanggan. Nilai-nilai yang ditunjukkan di atas mungkin berubah mengikut mana-mana pembolehubah seperti bayaran cepat oleh pelanggan,bayaran terdahulu, perubahan Kadar Asas Islam (IBR), perbezaan jumlah pengeluaran dan bilangan hari dalam bulan.

Keuntungan harian dikira berdasarkan baki prinsipal tertunggak harian, seperti di bawah:-

$$\begin{aligned}
 \text{Keuntungan harian (bulan pertama)} &= 150,000.00 \times 4.80\% \times 1/365 \\
 &= 19.7260 \\
 &= 19.73 (\text{dibundarkan kepada dua titik perpuluhan})
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Bil keuntungan 01/01/2013} &= \text{Keuntungan Harian} \times \text{Bilangan Hari (daripada 7 Dis 12 hingga 31 Dis 12)} \\
 &= 19.73 \times 25 \text{ hari} \\
 &= \text{RM } 493.25
 \end{aligned}$$

#### Pembayaran Awal Pembayaran

Pelanggan memohon pembayaran awal pada 17/10/2017 (tiada pembayaran pada bulan ke 58), dimana caj untuk pembayaran awal yang dikenakan kepada pelanggan ialah RM500.00 (jumlah yang dipaparkan adalah untuk ilustrasi sahaja). Keratan jadual pembayaran:

No	Tarikh	Pada Kadar Keuntungan Efektif				Baki Jumlah Pembayaran	Baki Harga Jualan	Baki Belum Diterima
		Ansuran	Bayaran Prinsipal	Bil Keuntungan	Kadar Keuntungan			
0	7-Dec-12					150,000.00	243,891.60	93,891.60
1	1-Jan-13	1,577.00	1,083.75	493.25	4.80%	148,916.25	242,314.60	93,389.35
2	1-Feb-13	1,577.00	970.02	606.98	4.80%	147,946.23	240,737.60	92,791.37
57	1-Sep-17	1,577.00	1,215.54	361.46	4.80%	87,458.77	154,002.60	66,543.83
58	1-Okt-17	1,577.00	1,232.00	345.00	4.80%	86,226.77	152,425.60	66,198.83
59	1-Nov-17	1,577.00	1,225.46	351.54	4.80%	85,001.31	150,848.60	65,847.29

$$\begin{aligned}
 \text{Keuntungan bulanan semasa} &= \text{Keuntungan Harian} \times \text{Jumlah Hari} \\
 &= (\text{Jumlah Pembayaran Tertunggak} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Jumlah Hari}/365) \times 16 \text{ hari} \\
 &= 87,458.77 \times 4.8\% \times 1/365 (\text{bundarkan pada 2 titik perpuluhan}) \times 16 \text{ days (1/10/17 ke 17/10/17)} \\
 &= 11.5014 \approx 11.50 \times 16 = 184.00
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Baki belum terima pada 17/10/17} &= \text{Baki belum terima (pada 1/10/17) - Keuntungan Bulanan Sesama(1/10/17 ke 17/10/17)} \\
 &= 66,198.83 - 184.00 \\
 &= 66,014.83
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Rebat Penyelesaian} &= \text{Baki belum terima(pada 17/10/17)- Caj Pembayaran Awal} \\
 &= 66,014.83 - 500.00 \\
 &= 65,514.83
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Baki Harga Jualan untuk Penyelesaian} &= \text{Jadual Baki Harga Jualan pada 01/10/17 + Ansuran Tertunggak Tidak Dibayar, jika ada (untuk 01/10/17)} \\
 &= 152,425.60 + 1,577.00 \\
 &= 154,002.60
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Penyelesaian Jumlah Baki pada 17/10/17} &= \text{Baki Harga Jualan ( Penyelesaian) - Baki Pembayaran Tidak Dikeluarkan (jika ada) + Caj Pembayaran Lewat (jika ada) + Kos Lain-lain (jika ada)+ Lain-lain caj (jika ada) - Rebat Penyelesaian} \\
 &= 154,002.60 - 0.00 + 0.00 + 0.00 + 0.00 - 65,514.83 \\
 &= \text{RM} 88,487.77
 \end{aligned}$$

**Lampiran 2- Ilustrasi Jadual Pembayaran dengan GPP**

Pelanggan		Pelanggan 1	
CPR (%)	10.60		
EPR (%)	4.80		
Tempoh GPP (dalambulan)	12		
TempohPembentukan(termasuk GPP)	132		

Jumlah Pembentukan	150,000.00
Harga Jualan	259,791.60
Jumlah Keuntungan	109,791.60
Ansuran (EPR)	1,577.00
Tarikh Pengeluaran	14-Dec-12

EPR = IBR + 1.60%  
IBR = 3.20%

No	Tarikh	Pada Kadar KeuntunganEfektif				Baki Jumlah Pembentukan	Baki Harga Jualan	Baki Belum Diterima	Nota
		Ansuran	Bayaran Prinsipal	Bil Keuntungan	Kadar Keuntungan				
0	14-Dec-12					60,000.00	259,791.60	109,791.60	40% Pengeluaran
1	1-Jan-13	142.02	-	142.02	4.80%	60,000.00	259,649.58	109,649.58	
2	1-Feb-13	244.59	-	244.59	4.80%	60,000.00	259,404.99	109,404.99	
3	1-Mar-13	220.92	-	220.92	4.80%	60,000.00	259,184.07	109,184.07	
4	1-Apr-13	244.59	-	244.59	4.80%	105,000.00	258,525.18	108,939.48	30% Pengeluaran
5	1-May-13	414.3	-	414.3	4.80%	105,000.00	258,097.07	108,525.18	
6	1-Jun-13	428.11	-	428.11	4.80%	105,000.00	259,097.07	108,097.07	
7	1-Jul-13	414.3	-	414.3	4.80%	135,000.00	257,682.77	107,682.77	20% Pengeluaran
8	1-Aug-13	550.25	-	550.25	4.80%	135,000.00	256,582.27	107,132.52	
9	1-Sep-13	550.25	-	550.25	4.80%	135,000.00	256,049.77	106,582.27	
10	1-Oct-13	532.5	-	532.5	4.80%	135,000.00	255,499.52	106,049.77	
11	1-Nov-13	550.25	-	550.25	4.80%	135,000.00	254,967.02	105,499.52	
12	1-Dec-13	532.5	-	532.5	4.80%	150,000.00	254,967.02	104,967.02	
13	1-Jan-14	1,577.00	965.37	611.63	4.80%	149,034.63	253,390.02	104,355.39	
14	1-Feb-14	1,577.00	969.4	607.6	4.80%	148,065.23	251,813.02	103,747.79	
15	1-Mar-14	1,577.00	1,031.84	545.16	4.80%	147,033.39	250,236.02	103,202.63	

Penafian: Jadual ini menunjukkan pembayaran ansuran oleh pelanggan. Nilai-nilai yang ditunjukkan di atas mungkin berubah mengikut mana-mana pembolehubah seperti bayaran cepat oleh pelanggan,bayaran terdahulu, perubahan Kadur Asas Islam (IBR), perbezaan jumlah pengeluaran dan bilangan hari dalam bulan.

Keuntungan harian dikira berdasarkan baki prinsipal tertunggak harian, seperti di bawah:-

$$\begin{aligned} \text{Keuntungan harian (bulan pertama)} &= 60,000.00 \times 4.80\% \times 1/365 \\ &= 7.8904 \\ &= 7.89 (\text{dibundarkan kepada dua titik perpuluhan}) \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bil keuntungan 01/01/2013} &= \text{Keuntungan Harian} \times \text{Bilangan Hari (daripada 14Dis 12 hingga 31 Dis 12)} \\ &= 7.89 \times 18 \text{ hari} \\ &= \text{RM } 142.02 \end{aligned}$$

#### Pembayaran Awal Pembentukan

Pelanggan memohon pembayaran awal pada **17/10/2017** (tiada pembayaran pada bulan ke-58), caj untuk pembayaran awal yang dikenakan kepada pelanggan ialah RM500.00 (jumlah yang dipaparkan adalah untuk ilustrasi sahaja). Keratan jadual pembayaran:

No	Tarikh	PadaKadar KeuntunganEfektif				BakiJumlah Pembentukan	BakiHargaJualan	BakiBelumDiterima
		Ansuran	BayaranPrinsipal	BilKeuntungan	Kadar Keuntungan			
0	14-Dec-12					60,000.00	259,791.60	109,791.60
1	1-Jan-13	142.02	-	142.02	4.80%	60,000.00	259,649.58	109,649.58
2	1-Feb-13	244.59	-	244.59	4.80%	60,000.00	259,404.99	109,404.99
57	1-Sep-17	1,577.00	1,156.64	420.36	4.80%	101,954.09	184,002.02	82,047.93
58	1-Okt-17	1,577.00	1,174.70	402.3	4.80%	100,779.39	182,425.02	81,645.63
59	1-Nov-17	1,577.00	1,166.25	410.75	4.80%	99,613..14	180,848.02	81,234.88

Keuntungan bulanan semasa

$$\begin{aligned} &= \text{Keuntungan Harian} \times \text{Jumlah Hari} \\ &= (\text{Jumlah Pembentukan Tertunggak} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Jumlah Hari}/365) \times 16 \text{ hari} \\ &= 101,954.09 \times 4.8\% \times 16 \text{ days (1/10/17 to 17/10/17)}/365 \\ &= 13.4076 \cong 13.41 (\text{bundarkan pada 2 titik perpuluhan}) \times 16 = 214.56 \end{aligned}$$

Baki belum terima pada 17/10/17

$$\begin{aligned} &= \text{Baki belum terima (pada 1/10/17) - Keuntungan Bulanan Sesama(1/10/17 ke 17/10/17)} \\ &= 81,645.63 - 214.56 \\ &= 81,431.07 \end{aligned}$$

Rebat Penyelesaian

$$\begin{aligned} &= \text{Baki belum terima(pada 17/10/17) - Caj Pembayaran Awal} \\ &= 81,431.07 - 500.00 \\ &= 80,931.07 \end{aligned}$$

Baki Harga Jualan untuk Penyelesaian

$$\begin{aligned} &= \text{Jadual Baki Harga Jualan pada 01/10/17 + Ansuran Tertunggak Tidak Dibayar, jika ada (untuk 01/10/17)} \\ &= 182,425.02 + 1,577.00 \\ &= 184,002.02 \end{aligned}$$

Penyelesaian Jumlah Baki pada 17/10/17

$$\begin{aligned} &= \text{Baki Harga Jualan ( Penyelesaian) - Baki Pembentukan Tidak Dikeluarkan (jika ada) + Caj Pembayaran Lewat (jika ada) + Kos Lain-lain (jika ada)+ Lain-lain caj (jika ada) - Rebat Penyelesaian} \\ &= 184,002.02 - 0.00 + 0.00 + 0.00 + 0.00 - 80,931.07 \\ &= \text{RM}103,070.95 \end{aligned}$$